

05/05/2001

Perkukuh segera jentera Umno cawangan, bahagian

Zulkofli Jamaludin

PERSIDANGAN Umno bahagian yang berakhir 30 April lalu menyaksikan kesinambungan dan perubahan pucuk pimpinan secara menyeluruh, bukan saja pada peringkat ketua bahagian, malah kepemimpinan Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Sebanyak 113 daripada 163 Pemuda bahagian dipimpin oleh muka baru bagi menggantikan pemimpin yang sudah mencapai usia 40 tahun atau tewas disebabkan ahli inginkan perubahan kepemimpinan.

Jumlah muka baru dalam kepemimpinan Pemuda Umno bahagian adalah tiga kali ganda berbanding 37 muka baru selaku ketua bahagian daripada 161 bahagian yang mengadakan mesyuarat setakat ini.

Sebanyak 163 bahagian Pemuda sudah mengadakan mesyuarat, kecuali bahagian Gua Musang, Kelantan yang menunda mesyuarat kepada esok berikutan bantahan cawangan.

Keputusan mesyuarat bahagian Libaran, Sabah yang sudah dua kali mengadakan persidangan pula digantung oleh Badan Perhubungan Umno negeri selepas menerima bantahan ahli.

Pemilihan Pemuda bahagian juga menyaksikan 12 daripada 63 penyandang gagal mempertahankan jawatan masing-masing, termasuk Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, di bahagian Sungai Siput.

Turut tewas ialah Ketua Pemuda Tasik Gelugor, Bruas, Jerantut, Maran, Hulu Langat, Wangsa Maju, Seremban, Segamat, Parit Sulong, Bakri dan Tenom.

Antara ketua bahagian yang gagal mempertahankan jawatan pula ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin (Jasin), bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman (Baling), bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher (Kota Bharu) dan bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar (Padang Terap).

Turut tewas ialah bekas Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Wanita bahagian Kuala Pilah. Beliau tewas kepada Exco Kerajaan Negeri Sembilan, Norhayati Omar, dengan majoriti 110 undi.

Pemilihan kali ini juga menyaksikan Exco Pemuda yang menawarkan diri bertanding jawatan lebih tinggi di bahagian tewas, termasuk Ketua Penerangan Pemuda, Azimi Daim, apabila tewas kepada Timbalan Ketua Umno bahagian Kulim Bandar Baru, Hussain Abdul Rahman.

Dr Zambry Abdul Kadir pula tewas kepada Ketua Bahagian Lumut, Datuk Mohd Wajdi Ishak, yang berjaya mengekalkan jawatan itu.

Bekas Ketua Pemuda Tampin, Shahziman Abu Mansor, pula mengukir kejayaan apabila berjaya menewaskan seorang ahli veteran, Datuk Nordin Awal, bagi jawatan Ketua Bahagian dalam pertandingan satu lawan satu.

Jika Shahziman melepaskan jawatan Ketua Pemuda, Ketua Pemuda Umno bahagian Bandau, Jelani Hamdan, 32, yang menang tanpa bertanding melakar sejarah apabila menjadi Ketua bahagian paling muda apabila menewaskan penyandang, Datuk Saidi Suari.

Kegagalan dan kejayaan keempat-empat pemimpin Pemuda itu sewajarnya direnung bersama ahli pergerakan itu yang menjadi sayap kanan parti supaya mengukur kemampuan diri sebelum menawarkan diri.

Walaupun, mendapat pencalonan daripada cawangan, mereka perlu menimbangny secara bijak kerana persidangan bahagian bukan tempat untuk

mengukur populariti atau menguji siapa yang lebih banyak sokongan.

Pertandingan boleh mewujudkan keretakan kerana calon bertanding akan berusaha bersungguh-sungguh, malah mewujudkan kem dan mempunyai jentera masing-masing sehingga boleh menyuburkan gejala politik wang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sentiasa mengingatkan ahli parti mengenai bahaya politik wang yang boleh menjadi barah sehingga mengakibatkan kepemimpinan parti dan negara mengandungi mereka yang tidak bermoral dan mengamalkan rasuah.

Gejala itu bukan semata-mata disebabkan pertumbuhan ekonomi dan kewangan, sebaliknya lebih berpunca daripada kegagalan ahli menahan diri untuk berkuasa kerana beranggapan pelbagai kemudahan menanti, termasuk menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, langkah pergerakan Pemuda Umno mengadakan perhimpunan khas untuk mendengar amanat Presiden pada 29 Mei ini, dapat membantu kepemimpinan Pemuda bahagian mengenai tanggungjawab yang perlu dipikul dan dilaksanakan.

Amanat Perdana Menteri mampu menjadi pemangkin kepada Pemuda bahagian menggerakkan parti untuk mendampingi rakyat pada peringkat akar umbi bagi menawan kembali kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dikuasai pembangkang sekarang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata beliau yakin pemimpin muda yang diberi mandat di bahagian mampu memikul tanggungjawab, tetapi mereka harus diberi panduan serta dorongan supaya usaha membawa era kegemilangan Pemuda terlaksana.

Pemuda tidak harus dilihat mempunyai terlalu banyak slogan atau perancangan besar tetapi gagal melaksanakan tanggungjawab utama menarik generasi muda menyokong parti.

Jika pembangkang mampu mendekati pelajar di pusat pengajian tinggi, Pemuda Umno juga harus membuktikan mereka bukan saja mampu berinteraksi, malah mengembalikan sokongan generasi muda dan rakyat kepada parti pemerintah.

Seperti dinyatakan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, keputusan ahli itu mencerminkan prinsip kesinambungan dan perubahan sentiasa wujud dalam parti pada semua peringkat.

Keputusan ahli juga menggambarkan ketua yang berkhidmat dengan baik akan terus mendapat sokongan manakala yang tewas pula disebabkan mereka gagal memenuhi kehendak ahli yang sentiasa mahukan perubahan.

Sudah menjada adat pertandingan, ada yang menang dan kalah tetapi yang penting, kepemimpinan baru mampu mengukuhkan segera jentera Umno di bahagian dan cawangan bagi menghadapi lawan yang sentiasa mencari kelemahan parti.

Usaha itu selaras dengan nasihat Dr Mahathir supaya ahli Umno yang baru selesai mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian supaya merapatkan semula barisan dan memberi sokongan kepada calon yang menang.

Semua pihak, sama ada muka lama atau baru perlu kembali bersatu bagi mengukuhkan parti, manakala pihak yang tewas, terutama dalam pemilihan bagi jawatan ketua bahagian, hendaklah terus memberi kerjasama.

Selepas pemilihan bahagian ini, ahli dan rakyat tentu mahu melihat muka baru pada peringkat bahagian membuktikan kemenangan mereka mampu mengubah dan mengukuhkan jentera bahagian.

Ini kerana kekalahan kepemimpinan lama ketika mempertahankan jawatan menggambarkan ahli pada peringkat akar umbi mahukan kesinambungan serta perubahan dalam parti.

(END)